

Elak kawasan berisiko

Metro 23/12/12 ms 2

Kebarangkalian dijangkiti penyakit meningokokal termasuk bercium, merokok, mengembara atau menyertai pasukan beruniform

>>Oleh HIDAYATUL AKMAL AHMAD
hidayatulakmal@hmetro.com.my

SETIAP tahun, dianggarkan 500,000 kes penyakit meningokokal dilaporkan di seluruh dunia yang mengakibatkan kira-kira 50,000 kematian.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dianggarkan lima hingga 10 peratus daripada pesakit yang dijangkiti meningokokal akan mati walaupun didiagnos menerima rawatan pada peringkat awal.

Di kalangan mereka yang pulih, anggaran satu dalam lima akan menderita sepanjang hayat dengan komplikasi yang dipanggil sequelae seperti kerosakan otak, kurang upaya pembelajaran, hilang deria pendengaran dan kehilangan anggota badan.

Meningokokal adalah penyakit mengejut yang boleh membawa maut yang muncul sebagai meningitis bakteria iaitu jangkitan kepada membran yang menyelaputi otak, tulang belakang dan se-

psis jangkitan saluran darah. Ia berpunca daripada bakteria neisseria meningitidis (meningokokal). Penyakit ini berkembang pantas serta boleh membawa maut dalam tempoh 24 hingga 48 jam selepas simptom pertama.

Prihatin akan bahaya itu, Novartis Corporation (Malaysia) Sdn Bhd telah mengumumkan perluasan indikasi umur untuk vaksin konjugat Menveo yang memberi perlindungan terhadap empat daripada lima kumpulan utama bakteria meningokokal (A,C,W-135 dan Y) yang menyebabkan penyakit itu di seluruh dunia.

Perluasan indikasi umur ini memberi pilihan baru untuk perlindungan kepada kanak-kanak berusia dua hingga 10 tahun yang semakin menghadapi risiko kepada penyakit meningokokal.

Profesor Perubatan dan Perunding Kanan Mikrobiologi, Prof Dr Che Ilina Che Ishak, berkata majoriti kes meningokokal di seluruh dunia disebabkan lima kumpulan utama iaitu A, B, C, Y



TANDA...
antara
simptom
meningitis.

dan W-135.

“Memandangkan penyakit ini tidak dapat dipastikan mempunyai kaitan dengan kumpulan utama yang menjadi punca jangkitan kerana ia berbeza mengikut negara dan wilayah serta boleh berubah mengikut masa.

“WHO menyatakan, anta-

ra cara paling efektif untuk mengelak penyakit meningokokal ialah dengan memilih satu vaksin yang memberi perlindungan kepada beberapa banyak kumpulan bakteria,” katanya kepada media, baru-baru ini.

Katanya, simptom awal penyakit ini tidak spesifik

dan seakan-akan demam, menyebabkan pakar kesihatan sukar mendiagnos lebih awal. Simptom klasik adalah seperti kekejangan leher dan ruam petekia (sejumlah kecil bintik merah atau ungu pada kulit).

Beliau berkata, kebanyakan kes penyakit meningokokal berlaku pada individu


letakkan manusia dalam situasi yang baru dan berhubung secara rapat untuk tempoh masa berlanjutan serta peningkatan jumlah manusia yang mereka jumpa.

Perubahan gaya hidup yang dapat meningkatkan kebarangkalian dijangkiti penyakit meningokokal termasuk bercium, merokok,



sihat sebelumnya tanpa amaran. Penularan penyakit sering dikaitkan dengan perubahan gaya hidup yang me-

mengembara atau menyertai pakaian beruniform. Selain itu, turut berisiko tinggi mendapat penyakit ini



BAWA MAUT... bakteria meningokokal membiak dengan pantas dan boleh menyebabkan kematian dalam tempoh 24 hingga 48 jam.

adalah jemaah haji. Dianggarkan 28,000 rakyat Malaysia mengerjakan haji setiap tahun selain lebih 80,000 mengerjakan umrah pada masa sama.

“Semua mereka berisiko tinggi kerana berada di tempat sesak pada tempoh lama, di mana bakteria mudah disebarkan. Pada musim haji saja, lebih dua juta jemaah seluruh dunia mengerjakan rukun Islam keempat itu.

“Perkara itu menyebabkan pihak berkuasa kesihatan Arab Saudi memperkenalkan pelalian mandatori. Kini, semua jemaah wajib mendapatkan vaksin meningokokal kuadrivalen (bagi perlindungan terhadap serogroup A, C, Y dan W-135),” katanya.

Sementara itu, Ketua Perubatan Novartis Corporation (Malaysia) Sdn Bhd, Dr Adelina Cheong berkata, perluasan indikasi umur baru untuk meneveo adalah langkah penting ke arah matlamat Novartis untuk melindungi rakyat Malaysia segenap peringkat usia.

“Kadar penyakit meningokokal tertinggi berlaku di kawasan separa gersang, sub-Sahara Afrika iaitu satu kawasan yang merangkumi Senegal di barat hingga Kenya di timur benua itu.

“Ia kerap berlaku ketika musim kering bermula Disember hingga Jun setiap tahun. Pada 2009, penyakit yang berlaku dalam ‘jalur meningitis’ merebak lebih



“WHO menyatakan, antara cara paling efektif untuk mengelak penyakit meningokokal ialah dengan memilih satu vaksin yang memberi perlindungan kepada seberapa banyak kumpulan bakteria”

>Prof Dr Che Ilina Che Ishak
Profesor perubatan dan Perunding Kanan
Mikrobiologi



“Kadar penyakit meningokokal tertinggi berlaku di kawasan separa gersang, sub-Sahara Afrika iaitu satu kawasan yang merangkumi Senegal di barat hingga Kenya di timur”

>Dr Adelina Cheong
Ketua Perubatan Novartis Corporation
(Malaysia) Sdn Bhd

pantas daripada biasa dan Nigeria yang paling teruk dengan 50,000 kes," katanya.

Simptom penyakit meningitis

- Demam
- Muntah
- Sakit kepala yang teruk
- Ketegangan lahir yang menyakitkan
- Sensitif kepada cahaya
- Sangat mengantuk
- Kekeliruan
- Ruam
- Sawan

Kumpulan berisiko


- Bayi dan remaja adalah kumpulan paling mudah di-

jangkiti penyakit meningo-kokal. Bayi pada tahun pertama kelahirannya adalah populasi paling lemah dan mewakili keperluan yang tidak dipenuhi daripada segi pencegahan. Dianggarkan, enam hingga 10 peratus kanak-kanak berusia bawah 12 bulan yang dijangkiti meningo-kokal mungkin maut.

- Remaja dan golongan muda turut menghadapi risiko jangkitan penyakit meningo-kokal yang semakin meningkat kerana gaya hidup. Kumpulan umur ini ju-

ga mempunyai kadar kematian tinggi akibat meningo-kokal. Kajian dilakukan di Amerika Syarikat mendapati sehingga suku daripada jangkitan meningo-kokal pada lingkungan 15 hingga 24 tahun berakhir dengan kematian.

- Pengembara yang mengerjakan haji atau umrah turut berisiko tinggi untuk dijangkiti kerana keadaan sesak pada jangka masa berlanjutan, di mana bakteria boleh merebak daripada individu kepada individu.



BAHAYA...
bakteria
neisseria
meningitidis
yang
menyerang
otak
mangsa.